JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

TINDAKAN KAWALAN GANGGUAN GAJAH LIAR DI BUKIT BANGKONG, CHEMOR, PERAK

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia ingin memaklumkan bahawa tindakan kawalan dan pemantauan telah dilaksanakan susulan aduan gangguan gajah liar di Bukit Bangkong, Chemor, Perak.

Jabatan PERHILITAN telah menerima aduan berkaitan gangguan kumpulan gajah liar di kawasan berkenaan, masing-masing pada 27 September 2026, 3 Oktober 2026 dan 11 Oktober 2026. Setiap aduan yang diterima menjadi asas kepada penilaian situasi dan penentuan tindakan kawalan yang bersesuaian berdasarkan keadaan di lapangan.

Susulan aduan yang diterima, Jabatan PERHILITAN telah memulakan pemantauan di kawasan berkenaan pada 4 Oktober 2026. Tindakan kawalan kemudiannya dilaksanakan oleh kakitangan Jabatan pada malam 11 hingga 12 Oktober 2026. Hasil pemerhatian di lapangan mendapati kumpulan gajah liar berkenaan telah beredar dari kawasan aduan susulan pelaksanaan tindakan kawalan tersebut. Tindakan kawalan susulan turut dilaksanakan pada 16 Oktober 2026 hingga awal

pagi 17 Oktober 2026 bagi menangani gangguan berulang serta mengurangkan risiko konflik antara manusia dengan gajah liar di kawasan berkenaan.

Selain tindakan kawalan, Jabatan PERHILITAN turut memberikan khidmat nasihat kepada pengadu mengenai langkah-langkah pencegahan awal bagi mengurangkan risiko gangguan gajah liar. Antara langkah yang disarankan termasuk pemasangan lampu di sekitar kawasan kebun serta penggunaan unggun api secara terkawal dengan sentiasa mengutamakan aspek keselamatan. Pengadu juga diminta supaya segera memaklumkan kepada pihak Jabatan sekiranya berlaku gangguan berulang bagi membolehkan tindakan susulan diambil.

Jabatan PERHILITAN akan meneruskan pemantauan secara berkala di kawasan Bukit Bangkong dan melaksanakan tindakan kawalan tambahan sekiranya diperlukan. Usaha ini bertujuan untuk mengurangkan risiko konflik antara manusia dengan gajah liar, di samping melindungi keselamatan penduduk serta harta benda di kawasan berkenaan.

Sehubungan itu, Jabatan menasihatkan penduduk dan pemilik kebun di kawasan terlibat supaya sentiasa berwaspada dan segera melaporkan sebarang kejadian gangguan hidupan liar kepada pihak PERHILITAN bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil. Aduan atau maklumat boleh disalurkan melalui talian *Hotline* PERHILITAN di 1-800-88-5151 atau menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) melalui laman web rasmi Jabatan di www.wildlife.gov.my.

JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA
21 OKTOBER 2026